

Media item

Full Text

MOSTI galak kolaboratif swasta dan awam perkasa SHE, bantu individu terkesan COVID-19

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia by Bernama

16 Nov 2021

News - Page 0 - 334 words - ID my0046010961 - Photo: No - Type: -

Size: 175.00cm²

MOSTI galak kolaboratif swasta dan awam perkasa SHE, bantu individu terkesan COVID-19 KUALA LUMPUR: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menggalakkan kolaboratif antara pihak swasta dan awam dalam usaha memperkasakan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) khususnya bagi membantu individu yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Menteri berkenaan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata badankorporat, syarikat-syarikat swasta dan agensi-agensi kerajaan memainkan peranan dalam usaha memulihkan ekonomi rakyat dengan mewujudkan peluang bagi membantu peserta dalam menjanapendapatanmenerasi kemahiran tertentu. Katanya program seperti MyMobiFixanjurannyaMOSTI melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dilihat mampu menyediakan peserta dengan kemahiran dan pengetahuan keusahawanan serta bidang pembaikan telefon pintar bagi meningkat taraf kehidupan. "Mereka akan berpeluang untuk membuka perniagaan sendiri dan menguruskannya dengan baik di bawah 'gig ekonomi' dengan memberikan mereka fleksibiliti untuk bekerja dari rumah tanpa perlu membuka kedai. "Selain itu, dengan bakat dan minat mendalam dalam bidang sebegini, mereka juga boleh menjadi Train-the-trainer yang membolehkan mereka menjadi jurulatih junior sambil mendalami pengetahuan perisian dan perkakasan untuk meningkatkan lagi kemahiran teknikal mereka," katanya. Dr Adham berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis graduasi MyMobiFix melibatkan 50 peserta yang dijalankan selama enam hari yang berakhir semalam. Menurutnya MyMobiFix menawarkan kursus kemahiran bagi mereka yang kehilangan pekerjaan, golongan asnaf, ibu tunggal serta belia yang tidak mempunyai peluang untuk belajar kemahiran ini disekolah mahupun kolej-kolej vokasional. "Program MyMobiFix ini adalah contoh yang baik dalam memastikan perkhidmatan teknikal dalam pembaikan telefon pintar dapat dipupuk dalam setiap lapisan masyarakat. Ini adalah selaras dengan harapan Malaysia untuk menjadi sebuah negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030," katanya. Beliau berkata berdasarkan laporan kajian daripada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun ini, sebanyak 98.2 peratus responden di kalangan rakyat Malaysia memiliki telefon pintar. Katanya peratusan pemilikan telefon pintar ini adalah antara kesan pandemik COVID-19 memandangkan gajet berkenaan adalah medium yang digunakan bagi capaian internet khususnya bagi tujuan akses kepada aplikasi berkaitan pendidikan, kesihatan, perbankan dan e-dagang. "Kita percaya program yang melibatkan kemahiran seperti MyMobiFix ini merupakan inisiatif yang tepat pada masanya dan bakal menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan khususnya dalam sektor ekonomi gig," katanya. — Bernama

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.

Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.

